

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Bisnes / Front Page
Date	Mon, 25 th Apr 2016	Lead Article	Yes
Headline	Teraju Kenal Pasti 991 Syarikat Program Teras		

Teraju kenal pasti 991 syarikat program Teras

Oleh AKMYR SYAHAR AZWAR
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 APRIL

UNIT Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) telah mengetahui pasti sebanyak 991 syarikat bumiputera yang memenuhi kriteria dan berpotensi tinggi di bawah program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (Teras) pada ketika ini daripada sasaran 1,100 syarikat menjelang tahun 2020.

Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan Teraju, Megat M. Yatim Megat Hamid berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 295 syarikat

berpendapatan melebihi RM30 juta, 366 buah lagi antara RM10 juta hingga RM30 juta, manakala baki 330 syarikat berpendapatan di bawah RM10 juta.

Menurut beliau, sebanyak 270 buah syarikat bumiputera telah berjaya mendapat kemudahan kewangan yang diluluskan berjumlah RM1.13 bilion daripada keseluruhan dana Teras pembentukan perniagaan dan modal insan sebanyak RM2.7 bilion oleh SME Bank, RHB Islamic Bank, Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF) dan Maybank Islamic.

Katanya, kira-kira 48 peratus atau RM39.68 bilion daripada keseluruhan peruntukan 12 projek mega kerajaan bernilai RM90.8 bilion di seluruh negara juga telah dibenarkan kepada syarikat-

syarikat bumiputera di bawah program Teras menerusi dasar *carve out and compete*.

"Program Teras dilihat berada pada landasan yang tepat untuk mencapai objektif supaya syarikat bumiputera yang berpotensi dapat berkembang melangkaui pasaran tempatan hingga ke peringkat global seterusnya dapat memberi sumbangan yang ketara kepada Kewangan Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020."

"Agenda pembangunan bumiputera itu dibantu dalam fokus Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) menumpukan kepada pemerksaan modal insan, meningkatkan penggunaan efektif dan mengekalkan pemilikan korporat, meningkatkan saham pemilikan kekayaan, memperkasa komuniti ekonomi dan mengukuhkan keberkesanannya penyampaian program," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Program Teras telah dilancarkan pada 20 Julai 2011 dalam usaha mengenal pasti syarikat bumiputera yang berpotensi tinggi dan seterusnya membantu syarikat terbabit mencapai peningkatan perniagaan dengan menyediakan peluang perniagaan berdasarkan merit.

Megat berkata, sehingga kini,

991
syarikat bumiputera
memenuhi kriteria
dan berpotensi
tinggi di bawah
Teras.

Program Teras
dilancarkan
Julai 2011 untuk
mencari syarikat
bumiputera berpotensi
tinggi.

Teraju, Matrade
bekerjasama
bantu usahawan
bumiputera dalam
pasaran eksport.

295
syarikat
berpendapatan
lebih RM30 juta,
366 buah lagi
antara RM10 juta-
RM30juta.

syarikat bumiputera di bawah program itu mencatatkan pengembangan dari segi pendapatan secara purata 10 hingga 15 peratus setiap tahun, dengan sasaran satu pertiga daripada keseluruhan bilangan tersebut bakal mencapai kejayaan dan mampu membantu menyumbang kepada KDNK negara.



Program Teras dilihat berada pada landasan yang tepat untuk mencapai objektif supaya syarikat bumiputera yang berpotensi dapat berkembang melangkaui pasaran tempatan."

MEGAT M. YATIM
MEGAT HAMID
Pengarah Kanan
Pembangunan
Perniagaan dan
Usahawan
Teraju

